

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
(WANGSA MAJU)**

**TARIKH SOALAN : 9 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW (WANGSA MAJU)** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah punca-punca Kementerian gagal membekal air yang bersih kepada pengguna tanpa gangguan dan apakah langkah pencegahan dan penguatkuasaan Kementerian bagi memastikan tidak berulang gangguan bekalan air.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan bahawa tanggungjawab penyediaan bekalan air terletak di bawah tanggungjawab operator milik penuh Kerajaan Negeri masing-masing. Tanggungjawab ini sesuai dengan peranan setiap Kerajaan Negeri di bawah Perlembagaan Malaysia yang mempunyai kuasa ke atas semua sumber dan punca air seperti kawasan hutan tadahan air, sungai, tasik dan air bawah tanah. Contohnya Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. atau Air Selangor (dahulu dikenali sebagai Syarikat Bekalan Air Selangor atau SYABAS) ialah sebuah operator milik Kerajaan Negeri Selangor yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pembekalan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

2. Kuasa Kerajaan Persekutuan melalui jadual Sembilan Perlembagaan Malaysia yang diperincikan lagi melalui Akta Industri Perkhidmatan Air

2006 (Akta 655) dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) ialah untuk mengawal selia pembekalan air terawat kepada pengguna di Semenanjung Malaysia dan Wilayah-wilayah Persekutuan. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai badan kawal selia sektor bekalan air negara turut meletakkan obligasi ke atas operator bekalan air untuk meningkatkan kecekapan operasi dan keberkesanan kewangan dalam penyediaan bekalan air kepada pengguna. Dalam hal ini, operator air dikawal selia termasuk dari aspek seperti kuantiti dan kualiti bekalan, NRW, kesinambungan bekalan air, liputan bekalan air, tekanan air dan kompetensi.

**Tuan Yang Dipertua,**

3. Usaha memerangi jenayah alam sekitar, ianya memerlukan kerjasama semua pihak – kerajaan, badan bukan kerajaan, pihak swasta, badan korporat, orang ramai dan sebagainya. Dalam konteks pencemaran sumber air yang berlaku di Selangor, KASA telah menggaris 4 pendekatan jangka panjang iaitu:

**(i) kawal selia dan penguatkuasaan yang lebih inovatif melibatkan semua pihak dan agensi menggunakan pendekatan punitif dan preventif.**

(a) Bagi menyelaras tindakan lebih berkesan ke atas penjenayah alam sekitar termasuk pencemaran sumber air, KASA telah menubuhkan Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar (UCJAS) yang mula beroperasi secara pentadbiran pada 1 Oktober 2020. Buat sementara waktu, KASA mengguna pakai perjawatan dan peruntukan sedia ada dengan kerjasama PDRM. Menurut anggaran KASA, sejumlah 50 pegawai tambahan adalah diperlukan yang akan ditempatkan di setiap negeri bagi mengagotai UCJAS ini. Secara keseluruhan, UCJAS akan melibatkan penempatan pegawai penguat kuasa daripada JAS, SPAN dan Jabatan Biokeselamatan. Unit ini akan bekerjasama dengan PDRM daripada aspek kepakaran siasatan, risikan dan forensik.

(b) Manakala pendekatan preventif yang sedang dilaksanakan ialah **Program Denai Sungai Kebangsaan (DSK)** sebagai platform penglibatan masyarakat massa untuk bersama-sama melestarikan sumber air. Untuk tahun ini, kita telah memulakan inisiatif ini dengan membuat kerjasama pelbagai agensi dan NGO menggunakan pakai kemudahan sedia ada berdasarkan kepada projek pembinaan rancangan tebatan banjir (RTB). Berdasarkan kepada pelan strategik dan pelestarian KASA menasaskan pembinaan 1,000 km denai dibina menjelang tahun 2023 dan 10,000 km pada tahun 2030. Kewujudan denai ini bakal menarik kehadiran orang ramai di kawasan tersebut dan seterusnya mengurangkan risiko sungai dan tebing sungai daripada dijadikan tempat pembuangan sisa sama ada sisa pepejal, buangan terjadual, efluen industri dan sebagainya oleh mereka yang tidak bertanggung jawab. Melalui program DSK ini juga, masyarakat akan lebih menghargai sungai dan alam sekitar serta membolehkan aduan pencemaran dilaporkan untuk tindakan segera pihak berkuasa. Di samping itu, DSK ini juga berpotensi untuk menyumbang kepada eko-pelancongan setempat. Projek rintis DSK telah disempurnakan di Sungai Pengkalan Datu, Kubang Kerian, Kelantan. Denai sepanjang hampir satu kilometer ini bermula di kawasan belakang Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dan melalui sekitar kawasan hutan bakau di sekitar Min House Camp, Kubang Kerian.

**(ii) Tindakan tegas dan hukuman lebih berat kepada penjenayah alam sekitar.**

(a) Peruntukan sedia ada di bawah **Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974** dan **Akta Industri Perkhidmatan Air 2006** (Akta 655) akan dipinda. Cadangan pindaan Akta 655 telah disediakan dan sedang dalam proses untuk mendapatkan kelulusan dasar Jemaah Menteri pada Disember 2020. Pindaan ini dijangka dapat dibentangkan pada tahun 2021 dalam Mesyuarat Kedua, Penggal

Keempat, Sidang Parlimen Keempat Belas bagi mengenakan denda dan hukuman yang lebih berat ke atas penjenayah alam sekitar. Hukuman denda bagi kesalahan mencemar air di bawah Seksyen 121 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 akan dicadangkan untuk ditingkatkan daripada **RM100,000 kepada RM10 juta** manakala hukuman penjara dinaikkan daripada **1 tahun kepada 15 tahun** atau kedua-duanya sekali. Jabatan Alam Sekitar sedang dalam proses meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pindaan yang dilakukan melibatkan hukuman dan penalti yang lebih tinggi daripada nilai sedia ada. Selain daripada itu, nilai kompaun bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini juga akan ditingkatkan.

- (b) Selain itu, pindaan juga akan dibuat bagi memperuntukkan kuasa kepada pegawai polis untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah kedua-dua Akta tersebut.

**(iii) Mempertingkatkan rizab simpanan bagi jaminan bekalan air berterusan**

Antara langkah-langkah bagi memastikan pengguna mendapat bekalan air secara berterusan termasuk meningkatkan **rizab simpanan** (*reserve margin*) air terawat sehingga 15-20% dengan:

- (a) mempertingkatkan **kapasiti dan kesediaan air terawat** melalui kerja naik taraf loji rawatan air (LRA) sedia ada dan pembinaan LRA baru;
- (b) meningkatkan **kapasiti tangki simpanan** air terawat;
- (c) mengurangkan NRW ke paras 25% menjelang tahun 2030,
- (d) mengurangkan **penggunaan air** 230 liter sehari seorang kepada 180 liter menjelang 2025; dan
- (e) penggunaan **alat cekap air**.

**(iv) Meningkatkan kapasiti takungan sumber air mentah.**

- (a) Risiko gangguan air di Lembah Kelang baru-baru ini boleh diminimumkan sekiranya Selangor mempunyai sumber air alternatif yang digunakan tatkala sumber air utama iaitu Sungai Selangor dan Sungai Semenyih tercemar. Sehubungan dengan ini, KASA telah mengemukakan cadangan kepada pihak EPU, JPM untuk melaksanakan **projek takungan air pinggiran sungai (TAPS) dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)** sebagai sumber air alternatif bagi meminimumkan gangguan bekalan air akibat insiden pencemaran air dan cuaca kering. TAPS ini juga akan berfungsi sebagai mekanisma kawalan banjir. Di bawah RMKe-11, empat (4) projek TAPS telah diluluskan iaitu TAPS Jernih, TAPS Melaka, TAPS Sungai Johor dan TAPS Linggi dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.4 bilion.
- (b) Dalam pada itu, KASA juga akan memperluaskan penggunaan **air pulih guna** atau dengan izin, *reclamation water* yang dihasilkan oleh loji rawatan kumbahan khasnya untuk kegunaan industri. Bekalan air tambahan ini dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber air mentah. KASA telah menetapkan sasaran untuk menghasilkan **1,500 juta liter sehari (JLH)** air pulih guna dari loji rawatan kumbahan menjelang tahun 2030.

Sekian. Terima kasih.